

Program In Conversation bersama Arroyo

KUALA LUMPUR, Isnin - Rancangan bual bicara **In Conversation** bersama Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo, terbitan bersama empat stesen televisyen terkemuka **Asean** akan ditayangkan di TV3, jam 9 malam esok.

Pengurus Besar Kanan, Bahagian Berita dan Ehwal Semasa TV3, Datuk Chamil Wariya, berkata temu **ramah** itu turut **menyentuh** perkembangan politik dan **ekonomi** Filipina serta hubungan dua **hala negara** itu dengan **Asean**.

Ia turut menyentuh isu penahanan bekas Gabenor Wilayah Islam Mindanao, Nur Misuari oleh Malaysia dan perkembangan terkini di wilayah berkenaan.

Presiden Arroyo **juga** menjawab mengenai dasar ekonomi Filipina, cabaran **peralihan** kuasa selepas kejatuhan bekas **Presiden** Joseph Estrada, **visi** menangani **kemiskinan**, masalah sosial, rasuah serta usaha memerangi keganasan di republik itu.

Selain **Chamil**, ahli panel **In Conversation** ketiga itu ialah Ketua Koresponden dan Peneraju Berita ABS-CBN Manila, Korina Sanchez; Penerbit Berita Eksekutif RCTI Jakarta, Roy Tindage dan Pengarang **Berita** Luar Negara iTV Bangkok, Chib Jitnyom.

Sebelum **ini**, **In Conversation** **menemu** bual **Perdana** Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan **Perdana** Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra.